



## TEKS UCAPAN

**YBHG. DATUK ROSPIAGOS BIN TAHA**  
**KETUA PENGARAH JABATAN TENAGA MANUSIA**

**SEMPENA MAJLIS AMANAT 2025 & PERHIMPUNAN BULANAN**  
**JABATAN TENAGA MANUSIA**  
**21 JANUARI 2025 (SELASA)**  
**DEWAN SERBAGUNA KSM**

---

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam Sejahtera, Salam Malaysia Madani dan Salam JTM Dihatiku.

Terima kasih saudara Pengacara Majlis.

### **ALUAN**

Yang dihormati

- Timbalan Ketua Pengarah JTM, Ts. Kamaruzzaman bin Hj Md Ali;
- Pengarah-Pengarah Bahagian;
- Pengarah-Pengarah ILJTM; dan
- Semua Warga JTM Ibu Pejabat dan ILJTM.

YBrs. Dr./ Ts/ Tuan-tuan, puan-puan dan hadirin yang dihormati sekalian,

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan inayah-Nya, kita dapat sama-sama berhimpun dalam Majlis Amanat Ketua Pengarah Tahun 2025 dan Perhimpunan Bulanan Jabatan Tenaga Manusia (JTM) pada hari ini.

2. Di kesempatan ini juga tidak terlewat untuk saya mengucapkan Selamat Tahun Baru 2025 kepada semua warga JTM sama ada di Ibu Pejabat mahupun di ILJTM.
3. Syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya, kita melangkah ke tahun baru ini dengan semangat dan azam yang tinggi untuk terus berbakti kepada negara. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada semua warga JTM atas komitmen dan dedikasi yang telah dicurahkan sepanjang tahun 2024.
4. Oleh itu, saya ingin menyeru semua warga JTM untuk terus memberikan komitmen dan kerjasama yang tidak berbelah bahagi dalam menjalankan tanggungjawab kita bersama.

## **KEJAYAAN TAHUN 2024**

YBrs. Dr./ Ts/ Tuan-tuan, puan-puan dan hadirin yang dikasihi,

Tahun 2024 merupakan tahun yang penuh cabaran namun berjaya kita lalui dengan cemerlang. Antara pencapaian besar yang dapat kita banggakan ialah:

i. **Peningkatan Enrolmen Pengambilan Pelajar**

Pada tahun 2024, JTM terus memperkukuh peranannya dalam melahirkan tenaga kerja mahir apabila berjaya menerima seramai 9,300 orang pelajar baharu, melebihi sasaran asal seramai 9,000 orang pelajar dengan peningkatan sebanyak 103%.

Dengan pencapaian ini, jumlah keseluruhan pelajar aktif di 33 ILJTM kini mencecah seramai **22,100** orang pelajar, melebihi sasaran JTM iaitu seramai **20,500** orang pelajar dengan peningkatan sebanyak **108%**. Tahniah diucapkan.

ii. **Peningkatan Kebolehpasaran Graduan ILJTM**

Kadar kebolehpasaran graduan kita pada tahun 2024 telah meningkat kepada **94.4%** berbanding **92.2%** pada tahun sebelumnya. Ini menunjukkan bahawa program-program Latihan yang dijalankan di ILJTM adalah memenuhi keperluan industri dan berupaya melahirkan tenaga kerja separa mahir dan mahir bagi keperluan negara. Tahniah diucapkan.

iii. **Kerjasama Industri**

Tahun 2024, Jabatan melalui Unit Jalinan Industri atau UJI dengan kerjasama Bahagian di Ibu Pejabat dan ILJTM telah berjaya mencipta detik-detik bersejarah melalui jalinan kerjasama strategik bersama syarikat-syarikat gergasi dalam pelbagai bidang seperti:

- a. **Huawei** – Bidang Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) serta Teknologi Pintar;
- b. **PROTON** – Bidang Automotif;
- c. **PETRONAS** – Industri Minyak dan Gas;
- d. **TWI Technology (S.E.ASIA) Sdn. Bhd.** – Bidang Kimpalan;
- e. **Malaysia Marine And Heavy Engineering Sdn. Bhd. (MMHE)** – Industri Minyak dan Gas;
- f. **SG Academy** – Bidang Drone;
- g. **Cybersecurity Malaysia** – Bidang Keselamatan Siber;

- h. **Autotronics** – Bidang Kenderaan Elektrik; dan
- i. **Votratec Sdn. Bhd.** – Bidang Analitis Data Raya, Pemasaran Digital dan Keselamatan Siber.

Kerjasama dengan syarikat-syarikat gergasi ini membolehkan kita memanfaatkan kekuatan industri yang sentiasa bergerak seiring dengan perubahan teknologi terkini, agar jabatan memperkenalkan program-program baharu yang relevan dan berkualiti tinggi dalam masa yang singkat, tanpa memerlukan pelaburan yang besar.

iv. **Pembangunan Infrastruktur dan Teknologi**

Kita berjaya menubuhkan satu institusi latihan yang ke-33 baharu iaitu ILP Serian, Sarawak pada tahun ini. Kini ILP Serian telah beroperasi sepenuhnya dan latihan kemahiran kepada pelajar sesi 1/2025 telah bermula. Selamat datang diucapkan kepada adik bongso KITA ILP Serian.

v. **Program Latihan Upskilling dan Reskilling**

Seramai **83,833** orang pekerja industri telah berjaya menjalani latihan *upskilling* dan *reskilling* di ILJTM melalui penyertaan dalam Kursus Jangka Pendek (KJP). Data ini menunjukkan kepercayaan industri dan masyarakat terhadap program-program latihan yang ditawarkan di ILJTM.

vi. **Pendigitalan Perkhidmatan**

Jabatan pada tahun 2024 telah menggunakan Sistem iPayment dengan kerjasama Jabatan Akauntan Negara di 32 ILJTM pada 22 Julai 2024 melibatkan pembayaran **Yuran Pengajian, Yuran Pendaftaran dan Yuran Asrama** semasa pengambilan pelajar Sesi 2 Tahun 2024 melibatkan seramai **5,356** orang pelajar. Seterusnya diperluaskan penggunaan kepada **16,394** orang pelajar sedia ada bagi pembayaran Yuran Pengajian dan Yuran Asrama melibatkan transaksi sebanyak **RM1.1 juta**. Tahun 2025, Sistem iPayment ini juga akan diperluaskan bagi bayaran Kursus Jangka Pendek (KJP).

Pembayaran secara elektronik iPayment ini telah dapat menjimatkan masa dengan menyelesaikan urusan pembayaran secara lebih efisien dan seterusnya dapat meningkatkan kepuasan pelanggan yang secara tidak langsung dapat meningkatkan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat. Sistem iPayment yang telah digunapakai oleh JTM ini juga telah dijadikan penandaaras oleh Jabatan-jabatan lain di bawah KESUMA bagi kemudahan pembayaran secara elektronik.

vii. **Penganjuran CITEC**

Tahun ini, Jabatan bersetuju untuk menganjurkan Pertandingan CITEC 2025 dengan tema “Integrasi Inovasi Ke Arah Kemampanan Agroteknologi” yang akan berlangsung pada 12 dan 13 Februari 2025 bertempat di ADTEC Jerantut.

Jumlah permohonan penyertaan terkini yang diterima adalah sebanyak **272** permohonan, mencatatkan peningkatan hampir **10%** berbanding tahun lalu. Peningkatan ini turut disusuli dengan kenaikan dalam penglibatan penyertaan di kalangan agensi awam dan swasta berbanding pada tahun lalu iaitu hanya **6** agensi kepada **39** agensi pada tahun ini.

Semoga penganjuran kali ini bukan sahaja menggalakkan serta mencungkil bakat-bakat pencipta merentasi pelbagai agensi, tetapi jadikan ia sebagai satu platform untuk kita mempromosikan JTM dalam menyokong pembangunan TVET Negara.

YBrs. Dr./ Ts/ Tuan-tuan, puan-puan dan hadirin yang dikasihi,

5. Telah BANYAK yang KITA telah laksanakan, malah lebih hebat daripada Institusi Latihan yang lain. Tetapi KITA tidak *MARKET OURSELVES enough*.
6. KITA cuma perlu susun semua program KITA dalam bentuk yang tersusun, sistematik, berkait antara satu sama lain dan mudah untuk difahami. Jadikan sebagai satu infografik yang menarik. KITA ada kepakaran dalaman yang hebat dan tidak perlu menggunakan khidmat konsultan. Jom KITA “JAJA” produk KITA.
7. KITA juga telah bersetuju agar semua ILJTM menyumbangkan sebanyak RM20 ribu daripada Akaun Amanah masing-masing bagi tujuan PROMOSI BERPUSAT. Diharapkan ianya akan menjadi *QUICK WIN* kepada promosi KITA @ JAJA JTM pada awal tahun ini.
8. Dalam semangat **Kebersamaan Ini Tiada Akhirnya**, KITA saling bergantung antara satu sama lain untuk mencapai kejayaan yang berpanjangan. Kebersamaan kita adalah aset yang paling berharga, dan kita harus memastikan bahawa sinergi dan kerjasama ini terus dipelihara dan diperkukuhkan.
9. Saya percaya bahawa dengan kebersamaan dan komitmen yang kuat, kita akan mampu menghadapi apa jua cabaran yang mendatang. Tiada tugas yang terlalu besar atau terlalu sukar jika kita semua bekerja sebagai satu pasukan, saling menyokong dan melengkapi antara satu sama lain.
10. **Kebersamaan Ini Tiada Akhirnya** – ia adalah perjalanan yang akan kita teruskan bersama, JTM menonjolkan diri sebagai “Peneraju TVET Negara” bagi memastikan bahawa TVET di Malaysia menjadi yang terbaik dan memberi manfaat yang maksimum kepada seluruh rakyat dan negara.
11. Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada seluruh warga Jabatan Tenaga Manusia atas segala usaha dan dedikasi yang telah ditunjukkan selama ini. Saya juga ingin mengingatkan kita semua bahawa perjalanan kita masih jauh dan penuh dengan cabaran.
12. Namun, saya yakin dengan semangat **Kebersamaan Ini Tiada Akhirnya** dan komitmen padu dari semua pihak, kita mampu mencapai matlamat yang telah ditetapkan dalam Dasar TVET Negara serta membawa sektor tenaga kerja negara ke tahap yang lebih tinggi.
13. Akhir kata, marilah kita bersama-sama memulakan tahun baru ini dengan semangat baharu dan tekad yang tinggi untuk terus memartabatkan Jabatan Tenaga Manusia sebagai peneraju pembangunan modal insan negara. Saya yakin dengan kesatuan dan komitmen kita, tiada cabaran yang tidak dapat diatasi. Semoga tahun 2025 menjadi tahun kejayaan dan keberkatan untuk kita semua. Selamat Tahun Baru!

**Kebersamaan Ini Tiada Akhirnya @ JTM Sekian.**

Wabillahitaufiq Walhidayah, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.